

Kempen saat akhir pemilihan DAP esok
Malaysiakini.com
November 27, 2010

Anggota jawatankuasa pusat DAP, Teng Chang Khim mengumumkan barisan pasukannya yang dikenali sebagai - Gabungan Pelangi - untuk menghadapi pemilihan parti itu esok.

Gabungan seramai 12 anggota itu termasuk dua wakil rakyat - Teng sendiri (ADUN Sungai Pinang) dan Ng Suee Lim (ADUN Sekincan).

Sepuluh lagi anggota gabungan itu ialah campuran pemimpin veteran dan muka baru. Mereka terdiri daripada Tan Tuan Tat, T Kannan, S Ramakrishnan, Lee Ah Seng, Lee Fu Hao, M Batumalai, Michael Sun, Tan Boon Wah, Ho Foor Keong dan Lim Soon Hong.

Manakala saingan mereka pula - yang dikenali sebagai Pasukan Perpaduan - yang diketuai oleh exco kanan kerajaan Selangor, Teresa Kok - dianggotai sebahagian besarnya ahli parlimen dan wakil rakyat DAP.

Gabungan Pelangi itu adalah antara 50 calon yang bertanding bagi mengisi 15 jawatankuasa DAP negeri.

Selain 12 anggotanya, Gabungan Pelangi juga turut menyokong ADUN Subang Jaya, Hannah Yeoh; ADUN Teratai, Jenice Lee dan ahli parlimen Klang, Charles Santiago - yang kesemuanya dilihat sebagai calon 'bebas'.

Teng mengumumkan barisan gabungannya itu dalam majlis makan malam di Klang malam tadi dan menyampaikan ucapan menggesa para perwakilan memberi sokongan kepada pasukannya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/149347>